

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 March 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2024 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus is a managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term. This is achieved by investing in Shariah-approved shares and securities through Takafulink Dana Ekuiti and Takafulink Dana Sukuk and in any other such Takafulink funds that may become available in the future. Suitable for participants with moderate to high risk tolerance and medium to long term investment horizon.


Takafulink Dana Urus adalah satu dana yang diuruskan untuk memaksimumkan pulangan di dalam jangka masa sederhana ke panjang. Ia dicapai dengan pelaburan di dalam saham dan sekuriti berlandaskan Syariah melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk serta dana-dana Takafulink yang lain yang mungkin disediakan di masa hadapan. Dana ini adalah untuk para peserta yang mempunyai daya toleransi sederhana ke tinggi dan ingin melabur di dalam jangka masa sederhana ke panjang.

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

| | |
|---|--|
| Investment Manager / Pengurus Pelaburan | Eastspring AI-Wara' Investments Berhad |
| Inception Date / Tarikh Diterbitkan | 01/12/2006 |
| Current Fund Size / Saiz Dana Terkini | RM633,230,457.62 |
| Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan | 1.30% per annum |
| Current NAV / NAB Terkini | RM2.31795 |

How the Fund has performed / Prestasi Dana


Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Urus Vs. 80% FBMSHA + 20% 12 MTH MBB Islamic Term Deposit Rate



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

| | 1 month | 3 months | 6 months | 1 year | 3 years | 5 years | Since Inception |
|-------------------------------------|---------|----------|----------|--------|---------|---------|-----------------|
| Price Movement / Pergerakan Harga | 1.20% | 4.91% | 6.09% | 8.12% | -0.21% | 14.80% | 131.80% |
| Benchmark / Penanda Aras | 0.86% | 4.91% | 5.96% | 7.54% | -5.97% | 2.83% | 64.01% |
| Outperformance / Perbezaan Prestasi | 0.34% | 0.00% | 0.13% | 0.58% | 5.76% | 11.97% | 67.79% |

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

| | % NAV |
|---------------------------|-------|
| 1 Takafulink Dana Ekuiti | 79.10 |
| 2 Takafulink Dana Sukuk | 20.80 |
| 3 Cash, Deposits & Others | 0.10 |

Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

| | % |
|-----------------------------------|------|
| 1 Tenaga Nasional Berhad | 8.26 |
| 2 IHH Healthcare Berhad | 4.68 |
| 3 Telekom Malaysia Berhad | 4.23 |
| 4 PETRONAS Gas Berhad | 3.92 |
| 5 PETRONAS Chemicals Group Berhad | 3.80 |
| 6 Sime Darby Plantation Berhad | 3.61 |
| 7 TIME dotCom Berhad | 3.54 |
| 8 Press Metal Berhad | 3.29 |
| 9 Gamuda Berhad | 3.20 |
| 10 Inari Amertron Berhad | 3.14 |

Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

| | % |
|--------------------------------------|------|
| 1 Sarawak Energy Berhad | 3.37 |
| 2 DanaInfra Nasional Berhad | 2.98 |
| 3 AEON Credit Service (M) Sdn Bhd | 2.71 |
| 4 YTL Power International Berhad | 2.25 |
| 5 Danum Capital Berhad | 2.18 |
| 6 Amlslamic Bank Berhad | 2.14 |
| 7 Edra Energy Sdn Bhd | 2.09 |
| 8 PONS B Capital Berhad | 2.07 |
| 9 Pengurusan Air SPV Berhad | 2.03 |
| 10 Projek Lebuhraya Usahasama Berhad | 1.99 |

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 March 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2024 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Equity Market Review

The Malaysian equity markets took a breather in March, digesting the 4Q23 results season. Malaysia saw foreign investors become net sellers in March of RM2.8b, reversing 4 consecutive months net equity inflows. News flow in March was focused on infrastructure. The Cabinet approved the Penang LRT, and there was news that there were three concept proposals for the High-Speed Rail (HSR). The government finally inked a new operating agreement (OA) with Malaysia Airports Holdings Berhad, which also saw the additional transit passenger charge approved, and changes to the passenger service charges for KLIA terminal 1, 2 and other airports across Malaysia. The FBM Emas Shariah Index closed the month at 11,643.52, up 1.00% mom. The FBM Small Cap Shariah index gained 3.50% for the month and outperformed the FBM Emas Shariah Index.

Market Outlook

Global political issues continue to fester, without any resolution on the Russia-Ukraine conflict, and US-China relations remain tense. The ongoing Palestine-Israel conflict has added complications to the mix, resulting in the Red-Sea conflict that has an impact adding to sea-based transport. There is continued risk of tensions in this area escalating. There are still some diverging views on the risk of a recession, but for now given the continued resilience of the US economic data, and the persistent stickiness of inflation, investors are now expecting a soft landing in the US. Note that 2024 will be a year of many elections taking place globally, hence something for investors to monitor but so far elections results have been within expectations. Domestically, equity markets have started the year on a positive note so far, with investor sentiment improving running on themes relating to Johor, and NETR. We have some concerns on the roll out of PADU where registrations have been poor, which may impact the timing of execution (originally 2H2024) of rolling out the subsidy rationalization, increasing the risk of policy execution for the various new measures and policies as announced by the government. Persistent inflation will likely continue to be a bug-bear for the market especially in the 2H2024 when the targeted petrol subsidies are expected to rollout, and tighter household disposable incomes will continue to plague demand. The Palestine-Israel conflict has also resulted in boycotts of sales of those deemed to be supporting Israel, such as many fast food and coffee franchises. This may have an impact on employment and wages from these businesses if this boycott continues for long. Nevertheless, we remain cautiously optimistic, and any correction in the market will provide us the opportunity to accumulate fundamentally sound stocks.

Fixed Income Market Review

The Malaysian Government Securities ("MGS") yield curve bull flattened as the short-term yields increased more than the long-term yields, mirroring a similar trend in US Treasuries, albeit at smaller magnitudes. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year benchmarks closed at 3.48% (+1bps), 3.66% (+1bps), 3.78% (+1bps), 3.88% (-1bps), 4.00% (-2bps), 4.09% (-1bps) and 4.20% (-1bps), respectively in March 2024. The Government Investment Issue ("MGII") yield curve shifted downwards in the month of March with the very long-end of the MGII curve falling sharper than the short-end of the curve. Yields declined by 1-9bps across the curve, led by the 15-year MGII. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year MGII closed at 3.49% (-2bps), 3.65% (-1bps), 3.78% (-1bps), 3.86% (+2bps), 3.92% (-9bps), 4.11% (-3bps), 4.17% (-5bps) respectively in March 2024. MGS and MGII yield curves bull flattened in the month of March a long with US Treasuries and a slight recovery of the Ringgit. MGS yield curve rates rose mildly at the shorter-end by 1bp, and rates fell slightly by 1-2bps at the long-end of the curve. The MGII yield curve fell sharper with yields declining by 1-9bps across the curve, led by the 15-year MGII. QTD through March, the 10-year MGS and 10-year MGII corrected the most by 14bps (to 3.88%) and 6bps (to 3.86%), respectively. The 5-year to 15-year MGS remained the steepest part of the curve. Bank Negara Malaysia ("BNM") kept the Overnight Policy Rate ("OPR") at 3.00% for the 5th straight Monetary Policy Committee ("MPC") meeting at its second meeting for the year on 6-7 March, amid improving economic growth, moderate inflation, and stabilization in Ringgit against US-dollar. The decision was anticipated and in line with market consensus. The policy rate has now remained unchanged for 10 months after it was last raised in May 2023. BNM maintained its overall neutral language in the MPC statement, unchanged since September 2023, but with a slight optimism on regional economic activities and global trade, supported by the expectation of monetary easing by global central banks in 2024. On 20 March, BNM released its Annual Report 2023 together with the Economic & Monetary Review and Financial Stability Review 2H2023. On the economic front, BNM expects the Malaysian economy to expand by 4.0-5.0% in 2024, up from +3.7% reading for 2023, despite ongoing geopolitical tensions and potentially slower global growth. Malaysia's GDP growth will be driven by domestic demand (+5.1% YoY growth vs 2023: +4.4%) with the highest contribution from the private sector (+4.4% vs 2023: +3.6%) led by consumption (+3.5% YoY vs 2023: +2.8%) and added by improvement in the external sector (+0.1% YoY vs 2023: -0.6%). Meanwhile, Malaysia's inflation edged slightly up by 1.8% YoY in February after three straight months of a 1.5% YoY increase (January 2024: 1.5%) and higher than estimates (+1.4%). The rise was mainly driven by the housing, water, electricity, gas & other fuels group (+2.7% vs +2.0% in January 2024) due to the adjustment in water tariffs. F&B, which accounts for 29.8% of the total consumer price index ("CPI"), showed a slower increase of 1.9% in February (January 2024: 2.0%). On a monthly basis, headline inflation increased by 0.5% as compared to 0.2% in January. Core inflation remained flat in February at 1.8% YoY (January 2024: 1.8% YoY).

Market Outlook

Notable data releases to watch in April are the 1Q2024 advance GDP estimate on 19 April, inflation rates for the month of March on 25 April, Producer Price Index ("PPI") YoY on 26 April, and updates on government's plans to rationalize subsidies following the deadline of Padu on 31 Mar as well as details of the EPF Account three expected in April. The next MPC meeting will be on 8th and 9th May with OPR to likely stay at 3.00% through 2024, after BNM has completed its interest rate normalisation cycle and barring some potential price upside effects over the execution of the RON95 subsidy retargeting in 2H 2024 but manageable. Nonetheless, BNM will continue to adopt a data-dependent approach as global economic conditions remain volatile. Slightly lower gross MGS/GII supply for 2024 should provide positive catalyst for the local bond market. However, net supply is expected to be heavy in the first four months and peak in April with four auctions, and then eases for the remaining quarters. We expect four auctions in April with an estimated larger net issuance size of RM20.5 billion MoM vs RM14.5 billion in March, targeting the lower end of the curve. There will be two new Benchmark Bonds in April with the MGS 15-year and the GII 7-year. Demand for corporate bonds remained healthy as investors continued to seek yields in a tight credit spread environment. Corporate credit spreads continued to tighten across most tenors and rating classes between 1-6bps during March, staying below their long-term averages. With the OPR expected to remain unchanged for most of 2024, movements in the benchmark MGS are limited, which will likely lead to further credit spreads compression. While primary issuances of corporate bonds will remain concentrated on higher-rated bonds, demand for lower-rated bonds with strong credit fundamentals will remain high, leading to further compression of credit spreads.

Fund Review & Strategy

The Fund returned 1.20% for the month outperforming the benchmark return of 0.86% by 0.34%. Year-to-date, the fund returned 4.91% in line with the benchmark return. The outperformance was due to the outperformance in the equity portion against its benchmark. As of end-March 2024, the Fund has 79.2% exposure in equities and 20.8% in sukuk.

Ekuiti Tinjauan Bulanan

Pasaran ekuiti Malaysia menghela nafas lega pada Mac sambil menghadam pelaporan 4Q23. Malaysia merakamkan pelabur asing sebagai penjual bersih

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 March 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2024 melainkan jika dinyatakan

pada Mac, berjumlah RM2.8 bilion, membalikkan aliran masuk ekuiti bersih 4 bulan berturut-turut. Aliran berita di bulan Mac tertumpu pada infrastruktur. Kabinet meluluskan LRT Pulau Pinang, dan terdapat berita bahawa terdapat tiga cadangan konsep projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR). Kerajaan akhirnya menandatangani perjanjian operasi (OA) baharu dengan Malaysia Airports Holdings Berhad, yang turut meluluskan penambah caj penumpang dalam transit, dan perubahan ke atas caj perkhidmatan penumpang di terminal 1 dan 2 KLIA serta lapangan terbang lain di seluruh Malaysia. Indeks FBM Emas Syariah menutup bulan pada 11,643.52, naik 1.00% bulan ke bulan (MoM). Indeks FBM Small Cap Syariah yang memperoleh 3.50% pada bulan tersebut turut mengatasi prestasi Indeks FBM Emas Syariah.

Gambaran Bulanan

Isu politik global terus meruncing, tanpa sebarang jalan keluar ditemui dalam konflik Rusia-Ukraine, manakala hubungan US-China kekal tegang. Konflik Palestin-Israel yang berlarutan menambahkan lagi kekusutan lalu mengakibatkan kesan kemelut Laut Merah mengusutkan lagi pengangkutan berasaskan laut. Risiko ketegangan yang berterusan di kawasan ini kian meningkat. Pandangan tentang risiko kemelesetan masih lagi berbeza-beza, tetapi buat masa ini memandangkan wujudnya data ekonomi US yang masih mampan, dan tekanan inflasi yang berterusan, pelabur kini menjangkakan pendaratan lembut di US. Perlu diberi perhatian bahawa 2024 akan menjadi tahun beberapa pilihan raya akan diadakan di seluruh dunia, justeru pelabur wajar memantaunya tetapi setakat ini keputusan pilihan raya bukanlah di luar jangkaan. Di dalam negeri, pasaran ekuiti memulakan tahun baru dalam nada positif setakat ini, dengan sentimen pelabur semakin baik seiring tema berkaitan Johor dan NETR. Kami dipagut kebimbangan mengenai angka pendaftaran selepas pelancaran PADU yang suam, yang mungkin memberi kesan kepada tempoh pelaksanaan (asalnya 2H2024) untuk melancarkan rasionalisasi subsidi, lalu meningkatkan risiko pelaksanaan pelbagai langkah dan dasar baharu seperti yang diumumkan oleh kerajaan sebelum ini. Inflasi yang berterusan berkemungkinan akan terus menjadi igauan pasaran terutamanya pada 2H2024 apabila subsidi petrol yang disasarkan dijangka akan dilancarkan, manakala pendapatan boleh guna isi rumah yang lebih kecil akan terus membelenggu permintaan. Konflik Palestin-Israel juga telah mengakibatkan boikot ke atas penjualan produk yang dianggap menyokong Israel, seperti kebanyakan francais makanan segera dan kopi. Ini mungkin memberi kesan kepada pekerjaan dan gaji perniagaan tersebut jika pemboikotan berterusan untuk masa yang lama. Apa pun, kami kekal optimistik namun berhati-hati, dan sebarang pembetulan pasaran akan menyediakan peluang buat kami mengumpul saham yang kukuh pada dasarnya.

Pendapatan Tetap

Tinjauan Bulanan

Kelompok Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") mendarat apabila hasil jangka pendek meningkat lebih daripada hasil jangka panjang, mencerminkan persamaan dengan arah aliran Perbendaharaan US, walaupun pada magnitud yang lebih kecil. Penanda aras 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30 tahun masing-masing ditutup pada 3.48% (+1 mata asas), 3.66% (+1 mata asas), 3.78% (+1 mata asas), 3.88% (-1 mata asas), 4.00% (-2 mata asas), 4.09% (-1 mata asas) dan 4.20% (-1 mata asas) pada Mac 2024. Kelompok Terbitan Pelaburan Kerajaan ("MGII") beralih ke bawah pada Mac dengan hujung kelompok MGII yang sangat panjang jatuh menjunam berbanding hujung kelompok yang pendek. Hasil merosot 1-9 mata asas merentasi lengkung, didahului oleh MGII 15 tahun. MGII 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30 tahun masing-masing ditutup pada 3.49% (-2 mata asas), 3.65% (-1 mata asas), 3.78% (-1 mata asas), 3.86% (+2 mata asas), 3.92% (-9 mata asas), 4.11% (-3 mata asas), 4.17% (-5 mata asas) pada Mac 2024. Kelompok hasil MGS dan MGII mendarat pada Mac seiring Perbendaharaan US dan Ringgit yang sedikit pulih. Kadar hasil kelompok lebih pendek MGS meningkat sedikit dengan 1 mata asas, manakala kadar kelompok panjang turun sedikit dengan 1-2 mata asas. Kelompok hasil MGII jatuh menjunam dengan hasil merosot merentasi kelompok sebanyak 1-9 mata asas, didahului oleh MGII 15 tahun. QTD sehingga Mac, MGS 10 tahun dan MGII 10 tahun masing-masing memperbetul paling banyak iaitu +dengan 14 mata asas (kepada 3.88%) dan 6 mata asas (kepada 3.86%). MGS 5 tahun hingga 15 tahun kekal sebagai kawasan paling curam. Bank Negara Malaysia ("BNM") mengekalkan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") 3.00% pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari ("MPC") lima kali berturut-turut pada mesyuarat kedua tahun ini yang berlangsung pada 6-7 Mac, di tengah-tengah pertumbuhan ekonomi yang bertambah baik, inflasi yang sederhana dan penstabilan Ringgit berbanding dolar US. Keputusan ini telah pun diagak dan selaras dengan konsensus pasaran. Kadar dasar kini kekal tidak berubah selama 10 bulan selepas kali terakhir dinaikkan pada Mei 2023. BNM mengekalkan nada neutral dalam kenyataan MPC keseluruhannya, senada sejak September 2023, tetapi ditambah sedikit keyakinan terhadap aktiviti ekonomi serantau dan perdagangan global, disokong oleh jangkaan pelonggaran monetari oleh bank pusat global pada 2024. Pada 20 Mac, BNM mengeluarkan Laporan Tahunan 2023 bersama Kajian Ekonomi & Monetari dan Kajian Kestabilan Kewangan 2H2023. Dari segi ekonomi, BNM menjangkakan ekonomi Malaysia akan berkembang 4.0-5.0% pada 2024, meningkat daripada bacaan +3.7% bagi tahun 2023, walaupun suasana geopolitik berterusan tegang manakala pertumbuhan global mungkin memperlahankan. Pertumbuhan KDNK Malaysia akan didorong oleh permintaan domestik (+5.1% pertumbuhan YoY berbanding 2023: +4.4%) dengan sumbangan tertinggi daripada sektor swasta (+4.4% berbanding 2023: +3.6%), diterajui oleh penggunaan (+3.5% YoY berbanding 2023: +2.8%) dan ditambah dengan peningkatan sektor luar (+0.1% YoY berbanding 2023: -0.6%). Sementara itu, inflasi Malaysia meningkat sedikit iaitu 1.8% YoY pada Februari selepas tiga bulan berturut-turut meningkat 1.5% YoY (Januari 2024: 1.5%) dan lebih tinggi daripada anggaran (+1.4%). Kenaikan ini didorong terutamanya oleh perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (+2.7% berbanding +2.0% pada Januari 2024) disebabkan oleh pelarasan tarif air. Makanan dan minuman, yang menyumbang 29.8% daripada jumlah indeks harga pengguna ("CPI"), menunjukkan peningkatan yang lebih perlahan sebanyak 1.9% pada Februari (Januari 2024: 2.0%). Pada asas bulanan, inflasi keseluruhan meningkat 0.5% berbanding 0.2% pada Januari. Inflasi teras masih tidak berubah pada Februari iaitu 1.8% YoY (Januari 2024: 1.8% YoY).

Gambaran Bulanan

Pelaporan data penting yang perlu diberi perhatian pada April ialah anggaran awal KDNK 1Q2024 pada 19 April, kadar inflasi bulan Mac pada 25 April, Indeks Harga Pengeluar ("PPI") YoY pada 26 April, dan kemas kini mengenai rancangan kerajaan untuk merasionalisasi subsidi berikutan tarikh akhir PADU pada 31 Mac serta butiran Akaun tiga KWSP dijangka pada April. Mesyuarat MPC seterusnya akan diadakan pada 8 dan 9 Mei dengan OPR berkemungkinan kekal pada 3.00% hingga 2024, selepas BNM menyelesaikan kitaran normalisasi kadar faedahnya sambil mengekang beberapa kemungkinan kesan kenaikan harga susulan pelaksanaan penyasaran semula subsidi RON95 pada 2H 2024 tetapi terurus. Namun begitu, BNM akan terus menggunakan pendekatan yang bergantung kepada data memandangkan keadaan ekonomi global masih lagi tidak menentu. Penawaran kasar MGS/GII yang lebih rendah sedikit bagi 2024 seharusnya memberikan pemangkin positif buat pasaran bon tempatan. Namun begitu, penawaran bersih dijangka tinggi dalam empat bulan pertama dan memuncak pada April dengan empat lelongan, dan kemudian berkurangan untuk suku tahun yang masih berkaki. Kami menjangkakan empat lelongan pada April dengan anggaran saiz terbitan bersih yang lebih besar iaitu RM20.5 bilion MoM berbanding RM14.5 bilion pada Mac, yang menasaskan bahagian bawah kelompok. Akan ada dua Bon Penanda Aras baharu MGS 15 tahun dan GII 7 tahun pada April. Permintaan ke atas bon korporat kekal sihat apabila pelabur terus mencari hasil dalam persekitaran spread kredit yang sempit. Spread kredit korporat terus menyempit merentas kebanyakan tenor dan kelas penarafan antara 1-6 mata asas pada Mac, kekal di bawah purata jangka panjangnya. Dengan OPR dijangka akan kekal di sebahagian besar tahun 2024, maka pergerakan penanda aras MGS adalah terhad, yang mungkin akan membawa kepada pemampatan spread kredit selanjutnya. Walaupun terbitan utama bon korporat akan kekal tertumpu pada bon bertaraf lebih tinggi, namun permintaan ke atas bon bertaraf rendah dengan asas kredit yang kukuh akan kekal tinggi, lalu akan mendorong pemampatan spread kredit selanjutnya.

Tinjauan & Strategi Dana

Dana memberikan pulangan 1.20% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras 0.86% dengan perbezaan 0.34%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana mengembalikan 4.91%, sejajar dengan pulangan penanda aras. Prestasi baik Dana lantaran prestasi bahagian ekuiti yang lebih baik berbanding penanda arasnya. Sehingga akhir Mac 2024, Dana mempunyai 79.2% pendedahan dalam ekuiti dan 20.8% dalam sukuk.

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 March 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2024 melainkan jika dinyatakan

Source / Sumber: Fund Commentary, March 2024, Eastspring AI-Wara' Investments Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL